

Sebagai tanda sokongan terhadap Hari Alam Sekitar

SWCorp negeri sasar kutip 60 tan e-Waste

Oleh NAZARUDIN SHAHARI
kota@utusangroup.com.my

■ SEREMBAN 11 OKT.

SEBANYAK 60 tan barangan elektrik yang tidak lagi digunakan (e-Waste) disasar untuk dikutip dalam kempen khusus di seluruh negeri ini sebagai tanda sokongan terhadap sambutan Hari Alam Sekitar yang akan diadakan pada 21 Oktober ini.

Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) negeri, Zainal Fitri Ahmad berkata, e-Waste itu terdiri daripada televisyen, komputer peribadi, mesin basuh, telefon bimbit, penghawa dingin, peti sejuk dan lain-lain peralatan elektronik.

Beliau berkata, kempen yang disasarkan ke seluruh negeri itu bermula hari ini hingga 21

Oktober ini.

"Beberapa lokasi pengumpulan terpilih telah dikenal pasti bagi memudahkan orang ramai menghantar barangan tersebut seperti balai raya, pejabat pihak berkuasa tempatan (PBT), pejabat Felda, masjid tertentu dan enam stesen minyak Petron terpilih di negeri ini.

"Selain itu, orang ramai juga boleh meletakkan barangan berkenaan di depan rumah masing-masing untuk dikutip oleh syarikat konsesi SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM) pada hari kutipan yang dijadualkan," katanya dalam sidang akhbar di d'Tempat Country Club dekat sini.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Alam Sekitar negeri, Norhazni Mat Sari dan Pengurus Wilayah Negeri Sembilan/Melaka SWM, Dr. Al'Ashari Othman.

Sementara itu, Norhazni berka-

ta, pengumpulan dan pelupusan e-Waste adalah sejajar dengan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Katanya, pembuangan e-Waste secara tidak terkawal atau tidak diurus dengan baik boleh memudaratkan kesihatan manusia dan alam sekitar memandangkan ia mengandungi bahan toksik dan logam berat seperti plumbum, raksa, arsenik, kadmium, selenium dan kromium.

"Pada masa yang sama, terdapat juga bahan-bahan bernilai di dalam barangan buangan ini yang boleh dimanfaatkan semula jika diurus dengan betul dan tepat," ujarnya.

Sebarang pertanyaan mengenai kempen pengumpulan e-Waste itu boleh dibuat dengan menghubungi talian bebas tol 1 800 88 7472.



ZAINAL FITRI AHMAD (tiga dari kiri) bersama Nor Hazni Mat Sari (empat dari kanan) dan Al' Ashari Othman (dua dari kanan) menunjukkan barangan elektrik yang tidak digunakan dalam sidang akhbar Kempen Pengumpulan Sisa E-Waste di Bandar Baru Sendayan, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/ASWAD YAHYA